

**PERATURAN ADAT ISTIADAT
DALAM ISTANA BESAR SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Bismillah Hirrahman Nirahim

Bahawa inilah susunan peraturan adat istiadat didalam Istana Besar Sri Menanti Negeri Sembilan Darul Khusus dari zaman negeri ini beraja hingga turun temurun sampai sekarang.

Maka adalah susunan yang pertama ini kita tiada mengaku membuat susunan adat istiadat yang cukup lengkap dan teratur sempurna, kerana dahulu daripada tarikh itu, segala aturan. Adat istiadat didalam Istana Besar Sri Menanti ini, adalah didalam pengetahuan Dato'-Dato' yang memegang dan menjalankan aturan-aturan adat istiadat itu sahaja. Oleh itu kerana ditakuti segala peraturan adat istiadat itu akan hilang ataupun tiada sempurna lagi dapat dijalankan, maka inilah disusun semula dan dijadikan sebuah buku yang dinamakan:

PERATURAN ADAT ISTIADAT DALAM ISTANA BESAR SERI MENANTI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 1955

**PERATURAN ADAT ISTIADAT
DALAM ISTANA BESAR SRI MENANTI NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS 1955**

Simpulan adat : Asal usul, asal jangan ditinggalkan.

Maka pada hari Ahad 12 hari bulan Jun 1955 M Bersamaan pada 21 syawal 1374 hijrah. Jam pukul 10.00 pagi, telah diadakan majlis mesyuarat dalam Bilik Persenangan Istana Besar Sri Menanti diantara Anak-Anak Raja Yang Bergelar dan Dato'-Dato' yang ada hadir pada hari itu seperti dibawah ini:-

Iaitu Yang Amat Mulia Tunku Panglima Besar, Tunku Nasir (Pengerusi)
Yang Amat Mulia Tunku Laksamana Munawir
Yang Amat Mulia Tunku Alang, Mohamad Sharif
Yang Amat Mulia Tunku Imam, Raja Mohamad Nordin Alhaj
Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahim
Yang Berbahagia Dato' Sri Amar Diraja Sujud
Yang Berbahagia Dato' Penghulu Dagang Adam
Yang Berbahagia Dato' Bentara Dalam Jaafar
Yang Berbahagia Dato' Menteri Hakim Ujang
Yang Berbahagia Dato' Setia Bijaya Mohamad Zin
Yang Berbahagia Dato' Bentara Perempuan Fatimah
Yang Berbahagia Dato' Panglima Gajah dan
En. Mohamad Salleh Bin Sulaiman (kerani mesyuarat)

Yang tidak dapat hadir :

Yang Amat Mulia Tunku Muda Serting Ja'afar
Yang Berbahagia Dato' Panglima Sutan (uzur)

Keputusan Mesyuarat

Maka dengan sebulat suara bersetuju disusun semula segala peraturan adat istiadat dalam Istana Besar Sri Menanti dan di jadikan ia sebuah buku, setelah disebarkan dibawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Maka lalu diangkat satu jamaah ahli jawatankuasa seramai 5 orang yang ditugaskan bagi menyusun aturan adat istiadat itu iaitu seperti dibawah ini.

YM Tunku Imam Raja Mohd Nordin Alhaj (Ketua)
Y.Bhg. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusof (Setiausaha)
Y.Bhg. Dato' Bentara Dalam Jaafar bin Mahmud (Bendahari)
YM Tunku Alang Mohd Sharif
Y.Bhg. Dato' Setia Bijaya Mohd Zin

1. ASAL NEGERI SEMBILAN

- 1.1. Bahawa adalah Negeri Sembilan itu tempatnya tiada diketahui orang. Tetakala sebelum kedatangan Raja Melewar iaitu kira-kira dalam akhir kurun masihi yang ke 18, harus agaknya persatuan 19 buah tempat yang dinamakan Negeri Sembilan itu hanya baru disebut orang, setelah Raja Melewar datang ke Negeri itu sahaja.
- 1.2. Maka didalam babad jawa yang bernama “Negara Kartagama” yang terkarang dalam kurun masihi ke 14 (oleh Para Pancar) seorang pengarang di Manjapahit dalam zaman hayam waruk dahulu, tiada tersebut nama Negeri Sembilan itu, demikian jua tiada tersebut dalam Hikayat Sejarah Melayu yang dikarang oleh Tun Sri Lanang, kira-kira dalam tahun masihi 1612, maka dalam tahun masihi 1613, sebuah buku cerita tawarikh Melaka telah dikarang oleh seorang pengarang Portugis bernama “Godinho D Eredia” tetapi dalam buku itupun tiada jua didapati nama Negeri Sembilan itu, demikian lagi tiada jua tersebut dalam buku perharian orang Belanda yang bernama “Degh Register” tertulis di Betawi diantara tahun masihi 1625-1682.
- 1.3. Jadi, nyatalah nama Negeri Sembilan itu belum lagi diketahui orang pada zaman-zaman tersebut, maka setengah daripada jajahan-jajahan kecil yang bersatu kemudiannya menjadi Negeri Sembilan itu, hanya pada zaman-zaman itu diketahui orang dengan namanya masing-masing sahaja, tiap-tiap satunya dihitungkan sebuah negeri.
- 1.4. Maka tawarikh negeri yang dinamakan Negeri Sembilan itu sangatlah kusut ceritanya, kerana masing-masing tempat dalam negeri itu adalah ceritanya yang berasing-asing, tambahan pula banyak yang lanjut dan karut-karut, maka cerita itu tiadalah dapat dibentangkan semuanya, dipetik dari buku sejarah Alam Melayu yang kelima karangan Buyung Adil tahun masihi 1939.

2. ASAL NAMA NANING DAN NEGERI SEMBILAN

- 2.1. Tarikh yang tepat kedatangan orang Melayu dari Pagar Ruyong (Minangkabau) ke Tanah Melayu ini tidaklah dapat dinyatakan dengan tepatnya, tetapi mengikut karangan-karangan buku-buku daripada sejarah, bahawa kedatangan orang Melayu dari Pagar Ruyong ke Tanah Melayu, ialah kira-kira pada abad yang ke-16 dan tempatnya di satu kawasan Utara Melaka bernama Naning tetapi menurut buku salasilah alam Minangkabau sebelum itu lagi, orang-orang Melayu Pagar Ruyong (Minangkabau) telah ada menduduki Tanah Melayu disuatu daerah Naning namanya, kebenaran itu dapat dibuktikan dari salasilah dan juga dari keterangan tuan Tibul, seorang pengarang Inggeris dalam bukunya bernama “Koloniel Negeskrip” nombor 11 dan 12 tahun 1914.
- 2.2. Katanya,..... “tidak lama selepas Singapura dialahkan oleh Jawa dalam tahun 1377 masihi, Naning telah didatangi oleh seorang pembesar Melayu dari Minangkabau, To’ Pak Tahir namanya, (To’ Pak Radin ialah Dato’ pada Pak Teh Nan Sebatang) atau disebut orang juga To’ Patih (Mengikut loghat) dengan diiringi oleh seramai 22 orang kelas pengiring-pengiringnya.

- 2.3. Naning dan Negeri Sembilan sejak zaman silam ada mempunyai pertalian, asal nama Negeri Sembilan, ialah mengambil sempena dari serambi alam Minangkabau, iaitu dari masjid di Minangkabau yang mempunyai 9 tiang, nama yang dibuat oleh orang Minangkabau yang mula-mula sekali mendiami :-

2.3.1) Naning	2.3.4) Semujung (Sungai Ujong)	2.3.7) Rembau
2.3.2) Kelang	2.3.5) Johol	2.3.8) Sebuah Jajahan Dalam Pahang
2.3.3)Jelebu	2.3.6) Segamat	2.3.9) Muar

- 2.4. Kerana kesembilan tempat ini didiami oleh mereka (orang Melayu Minangkabau) maka sebab itulah dinamakan “ Negeri Sembilan” iaitu ada mempunyai 9 puak menurut salasilah Tok Papatih inilah yang membuka (meneroka) Negeri Sembilan itu bersama-sama dengan Batin Maha Kalang dan Batin Sekudai, anak cucu ketiga-tiga mereka inilah yang menjadi penghulu didalam Negeri Sembilan dan asal usul bangsa orang yang didalam Negeri Sembilan itu. Dan ada pun bilangan pada zaman dahulu kalinya, negeri itu beraja ke Johor, berkali ke Siak, bertuan ke Minangkabau dan berpengkalan ke Melaka.
- 2.5. Nama Naning pada zaman dahulu ialah Pulau Lelang Tiga Sejajar iaitu dinamakan oleh Batin Mambang Kuning namanya, iaitu orang asli yang sedia ada telah menduduki daerah itu, mereka telah berkampung halaman didaerah hilir Pulau Lelang Tiga sejajar itu, iaitu sebuah daerah yang sekarang ini dipanggil “Tabuh” namanya, Batin Mambang Kuning ini ialah penghulu penduduk asli disitu dan mempunyai kuasa sehingga Daerah Rembau dan beberapa tempat lagi dalam Negeri Sembilan.
- 2.6. Dan sebagai sahabat kepada Batin Maha Galang dan Batin Bercangai Besi dan Batin Seri Alam namanya yang memerintah jadi orang besar Kelang pada zaman itu Batin Seri Alam itu ialah bapa kepada Batin Bercangai Besi dan Batin Hitam, dan Batin Sekudai itu ialah anak cucu dari mereka.
- 2.7. Dalam zaman batin-batin itu keadaan hidup mereka adalah bersendirian dan belumlah ada peraturan lagi, baik mengenai hal-hal pentadbiran kampung mahupun tentang adat istiadat yang agak sempurna, tetapi setelah Dato’ Papatih Nan Sebatang datang memduduki daerah ini, maka banyaklah terjadi perubahan-perubahan tentang kehidupan dan peraturan hidup sebagai manusia yang sempurna iaitu di antaranya berpedomankan pada adat istiadat yang bersendikan syarak dan syarak bersendikan kitab Allah, (dipetik dari majalah Mastika keluaran bulan Julai 1955 dan pengarang salasilah ini).

3. SALASILAH NEGERI SEMBILAN MULA BERAJA

- 3.1. Bahawa adalah Negeri Sembilan ini pada zaman dahulu ialah sekeping tanah yang dibawah naungan kerajaan Negeri Johor, didiami oleh orang-orang Jakun dan Sakai, kemudian didatangi oleh orang Melayu Minangkabau dibuka dibelah dijadikan negeri, tetapi oleh kerana negeri ini diharu oleh satu puak daripada bangsa Bugis, ketuanya bernama Daing Kemboja (Anak Raja Bugis) hendak memerintah pula negeri ini.

- 3.2. Oleh kerana memandangkan kesusahan yang ditanggung dan dihadapi oleh orang Melayu Minangkabau itu, iapun pergi mengadu Maharaja Johor, peri mempersembahkan dari hal kelakuan anak raja Bugis itu, maka titah Maharaja Johor, adalah Baginda itu tak dapat menolong atau mengamankannya, disebabkan Negeri Johor pada masa itu sedang dilanggar oleh orang Aceh diketuai oleh Tuanku Mahkota Alam (Raja Aceh) maka diperintahkan oleh Maharaja Johor kepada sekalian orang Minangkabau itu balik, dan dinasihatkan supaya pergi mempersilakan Raja ke Pagar Ruyong Minangkabau.
- 3.3. Maka orang-orang Minangkabau itupun dengan setahu atau telah bermuafakat dengan ketua-ketua orang Biduanda yakni Undang atau Penghulu pada masa itu. Maka lalulah diutusnya dua orang ketua, seorang bernama Panglima Ban dan seorang lagi Panglima Bandut mempersilakan Raja ke Pagar Ruyong di Minangkabau.
- Setelah sampai kedua-duanya ke Minangkabau, lalu masuk ke Kota Raja menghadap Duli Yang Di-Pertuan Pagar Ruyong, mempersembahkan perihal kedatangan mereka itu. Maka Duli Yang Di-Pertuan Pagar Ruyong pun bertitah, iaitu diperintahkan seorang Orang Besarnya bernama Raja Khatib pergi menyiasat Negeri Sembilan itu bersama-sama balik dengan dua orang Ketua tadi. Dipendekkan cerita, manakala sampai Raja Khatib ke Negeri Sembilan, lalu terus ke Sungai Layang Sri Menanti dan berjumpa dengan Dato' Naam Penghulu Luak Muar.
- 3.4. Maka Dato' Naam pun dengan tidak menyiasat lebih jauh lagi terus mempercayai sahaja bagaimana kata-kata Raja Khatib itu, lalu dijadikanlah Raja Khatib itu Raja memerintah negeri dan dikahwinkannya dengan anak perempuannya bernama Warna Mas. Maka lama kelamaan Raja Khatib yang mana telah diperintahkan oleh Duli Yang Di-Pertuan pergi ke Negeri Sembilan untuk menyiasat apa yang berlaku di negeri itu tiada balik ke Pagar Ruyong, maka terdengarlah kisah berita ia telah menjadi raja negeri itu.
- 3.5. Maka Duli Yang Di-Pertuan Pagar Ruyong pun amatlah murkanya, kemuadian lalu dititahkan seorang puteranya bernama Raja Melewar bersama beberapa orang pengiringnya daripada Juak Pegawai hulubalang parajurit yang gagah perkasa ke Negeri Sembilan itu. Maka angkatan Raja Melewar itu berjalan menuju ke Siak dan di Siak dengan persetujuan Sultan Siak di bekali pula dengan beberapa orang lagi ahli-ahli pertikaman. Kemudian teruslah menyeberang ke Negeri Johor.
- 3.6. Manakala sampai ke Johor lalu menghadap Maharaja Johor bernama Sultan Abdul Jalil Ibni Datuk Bendahara Tun Habib. Maka Maharaja Johor pun mengizinkan kepada Raja Melewar memerintah Negeri Sembilan, serta dikurniakannya Cap Mohor sekali. Maka Raja Melewar bersama dengan pengiring-pengiringnya berjalanlah menuju ke Negeri Sembilan melalui Naning. Maka di sini Raja Melewar bertempur (berperang) dengan anak Raja Bugis yang bernama Daeng Kemboja itu, dengan bantuan orang Minangkabau yang berada di Naning itu dalam peperangan ini tewaslah anak Raja Bugis itu lalu lari.

- 3.7. Maka dari Naning Raja Melewar dengan Hulubalang-Hulubalang pengiringnya berjalan menuju ke Rembau Kampung Penajis dan dari situ langsung ke Sungai Layang Seri Menanti, berjumpa dengan Dato' Naam, maka Dato' Naam pula enggan menerima kesampaian Raja Melewar itu, kerana di sebabkan Raja Khatib (menantunya) telah menjadi raja. Manakala Raja Khatib mendengar saja Raja Melewar telah sampai, iapun cabut lari ke Pahang. Oleh keengganan Dato' Naam menerima Raja Melewar itu, lalu di titahkan oleh Raja Melewar ke Juak Hulubalangnya agar Dato' Naam di bunuh dan penggal lehernya, kepalanya di tanamkan di Kuala Buyau, lalu dinamakan tempat itu Bukit Tempurung hinggalah sekarang dan badannya (tubuhnya) ditanamkan di seberang Tanah Datar lalu di namakan tempat itu "Bukit Tabuh" hingga sekarang.
- 3.8. Di samping itu Dato' Naam ada mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Cik Sani telah dibawa oleh Raja Melewar ke kampung Penajis Rembau, dijadikan isteri. Cik Sani itu bersukukan Batu Hampar Sungai Layang isteri pertama kepada Raja Melewar dan inilah Cik Puan Besar yang pertama Negeri Sembilan.
- 3.9. Maka oleh sebab Cik Sani itu dibawa ke Rembau oleh Raja Melewar kemudian dua orang saudara lelakinya. Seorang bernama Merah bin Dato' Naam dan seorang bernama Sini bin To' Seri Alam dan bersama-sama dengan dua orang lagi bersukukan Tanah Datar, seorang bernama Cantik dan seorang lagi bernama Molek. Keempat-empat orang itu telah mengaku persaudaraan berteguh setia di antara satu sama lain bersama sehidup semati.
- 3.10. Setelah itu mereka pun berjalanlah menuju ke Rembau mengadap Raja Melewar dengan dengan melalui beberapa halangan di jalan, terutama sekali apabila hendak masuk ke kota Penajis tempat semayam Raja Melewar itu, setelah sampai ke dalam Istana lalu mengadap dan mempersembahkan betapa hal akan saudara perempuannya Cik Sani yang telah di bawa itu. Maka titah Raja Melewar, berkenaan dengan saudara perempuan kamu itu, kami tidak pengapakan, melainkan kami jadikan " Peti Bunian" dalam negeri. Lalu Raja Melewar mengurniakan gelaran kepada dua orang saudara Cik Sani itu, seorang daripadanya bergelar Seri Amar DiRaja dan seorang lagi bergelar Raja Diwangsa, serta dua orang yang bersuku Tanah Datar itu di kurniakan seorang daripadanya bergelar Penghulu Dagang dan seorang lagi bergelar Akhizaman. Kami jadikan kamu sebagai " Orang Empat Istana" menjadi anak kunci peti bunian dalam negeri ini.
- 3.11. Dan juga menjadi pusakalah kepada diri semuanya hingga turun menurun, sebagaimana Orang Besar Empat Balai di Istana Pagar Ruyung. Maka Orang Empat Istana pun bermohon balik ke Seri Menanti, apabila sampai ke Seri Menanti lalu mendirikan barung, (Istana) di satu tempat bernama "Ampang Rambai".
- 3.12. Setelah siap sahaja istana itu lalulah Orang Empat Istana pergi kekampung Penajis Rembau, apabila selesai di tabalkan menjadi Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan bergelar Sultan Mahmud. Selepas itu Orang Empat Istana pun mempersilakan Raja Melewar ke Seri Menanti. Maka dari sinilah terbitnya perbilangan adat:

"Tanah Kerajaan Rembau, Tanah Mengandung Di Seri Menanti, Beraja Ke Johor Bertali Ke Siak Bertuan Ke Minangkabau".

4. Susutan Tarikh Pemerintahan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan

	Ditabalkan	Hingga
4.1. Sultan Mahmud (Raja Melewar)	1773	1795
4.2. Sultan Hitam	1795	1808
4.3. Sultan Linggang	1808	1824
4.4. Yang DiPertuan Besar Raden Ibni Tuanku Linggang	1824	1861
4.5. Yang DiPertuan Besar Imam Ibni Tuanku Linggang	1861	1869
4.6. Yang DiPertuan Besar Antah Ibni Tuanku Radin	1879	1888
4.7. Yang DiPertuan Besar Mohamad Ibni Tuanku Antah	1888	1933
4.8. Yang DiPertuan Besar Abdul Rahman Ibni Tuanku Mohamad	1933	1960
4.9. Yang Di-Pertuan Besar Munawir Ibni Tuanku Abdul Rahman	1960	1967
4.10. Yang DiPertuan Besar Ja'afar Ibni Tuanku Abdul Rahman	1967	

5. Susutan Cik Puan Besar Dan Tunku Ampuan Negeri Sembilan

5.1. Cik Puan Besar Sani binti Dato' Naam	Isteri Sultan Mahmud
5.2. Tunku Ampuan Jingga binti Sultan Mahmud	Isteri Sultan Hitam
5.3. Tunku Ampuan Ngah binti Sultan Hitam	Isteri Sultan Linggang
5.4. Cik Puan Besar Nila	Isteri Sultan Hitam
5.5. Tunku Ampuan Intan binti Tunku Alang Hashim	Isteri Yang Di-Pertuan Raden
5.6. Cik Puan Besar Halimah	Isteri Yang Di-Pertuan Besar Antah
5.7. Tunku Ampuan Besar Khadijah binti Tunku Muda Chik	Isteri Yang DiPertuan Besar Mohamad
5.8. Tunku Ampuan Cik Serting	Isteri Yang DiPertuan Besar Mohamad
5.9. Tunku Ampuan Kurshiah binti Tunku Besar Burhanuddin	Isteri Yang DiPertuan Besar Abdul Rahman
5.10. Tunku Ampuan Durah binti Tunku Besar Burhanuddin	Isteri Yang DiPertuan Besar Tunku Munawir
5.11. Tunku Ampuan Najihah binti Tunku Besar Burhanuddin	Isteri Yang DiPertuan Besar Tunku Ja'afar

6. Susutan Anak-anak Putera yang menjadi Regent (Pemangku Raja)

- 6.1. Tunku Mohamad Aminullah (Tunku Muda Chik) Ibni Tuanku Raden pada tahun 1925 Masihi.
- 6.2. Tunku Besar Borhan Aladin Ibni Tuanku Antah, pada tahun 1951, 1937 dan 1934 Masihi.
- 6.3. Tunku Laksamana Munawir Ibni Tuanku Abdul Rahman pada tahun 1954

7. Kaitan Alam Minangkabau dengan Negeri Sembilan

- 7.1. Alam Minangkabauuduknya di bahagian Barat dan Tengah Pulau Sumatera, khasnya adalah Tanah Minangkabau itu mengandungi tiga Luak atau jajahan iaitu luak Agam, Tanah Datar dan Luak Lima Puluh Kota, maka pada umumnya adalah Lubuk Sikaping dan Rawa di utara Rukun Tapung Siak, Kampar, Kuantan, Inderagiri, Batang Hari di pantai timur dan Kurinci di selatan termasuk jua jemalah Minangkabau, pada zaman kerajaan termasyur di hulu itu.
- 7.2. Orang-orang Minangkabau yang asli dahulu menyebut negerinya itu ialah Alam Minangkabau. Alam Minangkabau mulai masyhur dalam sejarah pada kurun ketiga belas (XIII). Maka dahulu daripada itu ada di dapati peti keterangan-keterangan menyatakan adalah beberapa Kerajaan Hindu telah terdiri di Sumatera. Adalah negeri yang tertua sekali kerajaan Melayu berhampiran dengan Jambi sekarang Seri Wijaya namanya, ialah pemerintahan yang termasyhur pada zaman itu.
- 7.3. Kononnya dalam tahun Masihi 1275 Raja Jawa yang bernama Kartanegara ada membuat perhubungan dengan kerajaan Melayu pada kurun ketiga belas (XIII) ada seorang anaknya bernama Adityawarman mungkin keturunannya dari kerajaan Seri Wijaya itu iaitu pemerintahan termasyhur pada zaman itu. Adityawarman kembali balik ke Sumatera, selepas menuntut dari Jawa telah dapat mendirikan sebuah kerajaan di Minangkabau.
- 7.4. Maka boleh jadi pada zaman dialah zaman Seri Wijaya itu beransur malap dan akhirnya berpindahlah ke Minangkabau. Menilik pada batu-batu bersurat yang di jumpai di Padang Candi 1347 di Bukit Gumbak 1356 dan di Surusa 1375. Maka boleh jadi Adityawarman seorang raja yang berkerajaan sendiri di Minangkabau pada zaman itu. Dalam kurun ke empat belas (XIV) ada tertulis dalam syair dan gurindam Jawa yang bernama Nagara Kartagama ada menyebutkan Minangkabau ialah sebuah daripada beberapa buah negeri yang ada menghantar ufti tanda takluk di bawah kerajaan Majapahit.
- 7.5. Maka dari zaman itu dahulu hingga sekarang adalah satu daripada rasmi dan tabiat orang Minangkabau itu merantau dan berniaga. Bukan dalam negerinya sahaja, bahkan di luar-luar negerinya jua. Maka oleh masyur Singapura tua dan Kerajaan Melaka menjadi tumpuan perdagangan saudagar dari Parsi, Arab, Sailon, di sebelah barat dan gugusan Pulau-Pulau Melayu, Cina di timur. Tentulah ada di antara saudagar-saudagar Minangkabau yang telah datang berulang alik ke bandar. Yang tersebut di antara mereka-mereka itu tentulah ada yang tertarik hati meneroka atau membuka tempat-tempat yang di tanah lembah dan ditepi-tepi sungai. Terutama di dataran bandar Melaka.

- 7.6. Mengikut keterangan doktor R.W. Winsted dalam kurun ke empat belas (XIV) memang telah ada orang Minangkabau menduduki di hulu Melaka dalam kurun ke enam belas (XVI) tatkala Kerajaan Melayu di Melaka dikalahkan oleh Portugis pada tahun masihi 1511 orang Minangkabau memang telah ada di bandar Melaka. Sebelumnya mengikut keterangan dalam buku peringatan seorang bangsa Portugis bernama Goudinho De Erodia ada menyebutkan iaitu dalam tahun masihi 1613 sudah ada sedia orang-orang Minangkabau di Naning dan Rembau yakni diluar takluk Portugis. Tetapi tak ada pula dalam buku peringatan itu menyebutkan orang-orang Minangkabau sudah ada di Johor, Seri Menanti dan Sungai Ujong. Dengan hal yang demikian bolehlah diagakan tempat-tempat itu diduduki oleh orang-orang asli sahaja. Dalam buku peringatan tersebut ada pula menerangkan Naning takluk pada Portugis dan Sungai Ujong tempat orang asli. Maka dengan keterangan itu boleh jadi asas yang dikatakan Negeri Sembilan itu adanya kemudian daripada tarikh tersebut.
- 7.7. Pada tahun 1939 seorang Admiral bangsa Belanda bernama Vandevaar ada membuat perjanjian persahabatan dengan Sultan Abdul Jalil Johor, supaya sama-sama menawani Melaka tetapi didapatinya bantuan orang Melayu tidak beberapa memberi pertolongan dalam angkatan Belanda itu. Tetapi apabila Melaka dapat dikalahkan, rakyat Sultan Johor memang ada bersama terutama orang Minangkabau. Maka dari tarikh tersebut, kuasa Kerajaan Sultan Johor Melayu merebak ke Negeri Sembilan. Oleh yang demikian Sultan Johor menghantarkan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar ke Negeri Sembilan.
- 7.8. Oleh yang demikian orang-orang Minangkabau yang datang dari Melaka dan Johor yang mana suka berpindah dan meneroka. Maka dia membuat dan mendirikan rumah ditepi-tepi sungai di Negeri Sembilan, dihulu-hulu sungai, dikaki-kaki bukit yang ada beranak air. Juga di Naning dan Rembau supaya boleh bercucuk tanam dan bersawah padi.
- 7.9. Mengikut cerita dari tuan R.J. Wilkinson dua orang yang bersaudara iaitu seorang bernama Sutan Semanik dan seorang lagi Sutan Kebesaran. Kedua-duanya anak buah Dato' Makhudum Sati Semanik dari Tanah Datar dalam salah satu Luak Minangkabau mula datang ke Negeri Sembilan ramai orang bersama-sama denganya. Mereka datang menerusi Siak dari Siak terus ke Melaka dari Melaka terus ke Seri Menanti melalui jalan Naning dan Rembau.
- 7.10. Sutan Sematik meneroka di air Merbau Anjing Beranak dan Sultan Johan Kebesaran meneroka di Tanjung Alam. Kemudian dari itu datang pula tiga orang lagi yang ternama dari Minangkabau iaitu Tok Putih suku Seri Lemak Minangkabau. Dia membuka tempat di Gamin dan dia dilantik jadi pawang negeri. Yang kedua bernama Tok Laut suku Mungkal dan bertempat di air Humban Tali. Yang ketiga bernama Tok Sheikh suku Seri Melenggang dan berkediaman di anak air Sungai Lintah. Dari masa kesemasa semakin luaslah tempat-tempat dibuka dan diteroka untuk mereka berkediaman sehingga terbukalah Inas, Johol, Gemenchah, Terachi, Gunung Pasir, Jempol, Pasir Besar dan Ulu Muar. Sememang adat Minangkabau iaitu bersuku-suku dan berkaum-kaum. Maka sebab itulah adanya pada perbilangan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, biar mati anak jangan mati adat.

- 7.11. Dan juga mereka anak beranak serta adik beradik sudah terbiasa duduk di rumah gadang di Minangkabau. Jadi aturan peraturan itu tidak berubah disisi mereka apabila mereka membuka tempat-tempat baru disini. Maka tiap-tiap suku itu adalah masing-masing dengan buapak dan lembaganya.
- 7.12. Maka apabila mangkat Sultan Abdul Jalil, pada zaman itu Negeri Johor sedang berperang kerana langgaran musuh dari Aceh. Jadinya makin semasa semakin berkuranganlah pegawai-pegawai datang dari Johor. Dalam tahun 1643 ada menyebutkan Kerajaan Belanda di Melaka ada mengesahkan bahawa gelaran Dato' Seri Lela Merah menjadi Dato' Naning. Bukanlah bermakna ditempat-tempat lain itu belum ada orang-orang besarnya tetapi Dato' Lela Merahlah yang mula-mula diakui dan disahkan menjadi Dato' Naning oleh Kerajaan Belanda.
- 7.13. Maka dalam tahun 1703 masihi Dato' Naning Juara Megat, mendapat pula pengakuan dan menerima kebesaran dari Sultan Johor Abdul Jalil, dan kerajaan Belanda di Melaka pun bersamasama mengakui. Selepas dari itu sudah barang tentulah ramai lagi yang berkehendak memohonkan pangkat dan kebesaran yang seumpama itu. Tambahan pula keadaan Negeri Johor tidak begitu aman sebab dikacau oleh orang-orang Bugis dan wakil-wakil atau pegawai-pegawai dari Johor pun semakin pupus.
- 7.14. Pada tahun 1707 masihi Dato' Rembau pula dikurniakan Darjah Kebesaran dan Mohor oleh Sultan Johor iaitu kerelaan dari Bendahara Seri Maharaja. Selepas itu berikutlah pula Dato' Bandar Sungai Ujong mendapat Darjah Kebesaran dan Mohor. Maka gelaran Penghulu Menteri pemerintah Sungai Ujong sememang lebih dahulu dari itu lagi telah sedia ada tetapi disandangkan oleh Sultan Johor kepada pegawai-pegawai yang datang dari Johor. Akhirnya baharulah diserahkan kepada ketua penduduk Sungai Ujong.

Dato' Jelebu belum dapat pengakuan penuh hingga pada tahun 1760 masihi Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah mengurniakan gelaran dan mohor Dato' Menteri Akhir Zaman dan ada bertulis di mohor itu Sultan Muadzam Shah. Dato' Inas pun dapat gelaran pada tahun itu juga.

- 7.15. Mungkin juga negeri-negeri yang sembilan buah pada zaman itu mengandungi Naning, Rembau, Sungai Ujong, Jelebu, Kelang, Inas, Pasir Besar, Segamat dan Jelai. Maka negeri-negeri tersebut itu bukanlah bersekutu semuanya. Bahkan masing-masing ketua mendapat kuasa dan kebesaran belaka dari Sultan Johor. Penduduk-penduduk dan ketua itu bukan pula semuanya orang Minangkabau kerana didapati adat perpatih berjalan di Sungai Ujong jua, kemudian dari zaman itu boleh jadi juga adat perpatih tak tumbuh langsung di Kelang dan di Segamat dan Jelai. Kerana itulah terbitnya perbilangan orang-orang tua dahulu beraja ke Johor. (Diceritakan oleh Yang Mulia Tunku Imam Raja Nuradin Alhaj)

- 7.16. Maka adalah yang dikatakan Negeri Sembilan sekarang itu ialah :-
Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas (Pengarang).

Ringkasan Kisah Yang Di Pertuan Tak Dipersilakan Lagi Dari Minangkabau

Sultan Mahmud (Raja Melewar) Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama ditabalkan di Penajis Rembau pada tahun 1773 masihi mangkat pada tahun 1795 masihi Raja yang pertama di Negeri Sembilan adalah Raja yang mula-mula di persilakan dari Minangkabau, dan ialah jua Raja yang mengusir Daeng Kemboja kepala pemerintah Bugis dari Negeri Sembilan. Dan ialah jua Raja yang menerima penyerahan Negeri Sembilan dari Sultan Johor. Dari masa itulah Negeri Sembilan merdeka daripada Kerajaan Johor.

Sultan Hitam raja yang kedua dipersilakan dari Minangkabau dan ditabalkan Baginda di Penajis Rembau pada tahun 1795 masihi dan mangkat pada tahun 1808 masihi. Sultan Linggang raja yang ketiga dipersilakan dari Minangkabau ditabalkan Baginda di Penajis Rembau pada tahun 1808 masihi dan mangkat pada tahun 1824 masihi dan ialah Raja yang akhir dipersilakan dari Minangkabau disebabkan puteranya telah ada untuk mengantikannya iaitu Tuanku Radin dan Tuanku Imam.

Sebelum Sultan Linggang mangkat Baginda telah mengadakan perundingan dengan lingkungan air kaki (Orang Empat Istana) Dato'-Dato' Penghulu Tanah Mengandung dan Dato' Johol. Maka apabila Baginda mangkat hendaklah puteranya Tunku Besar Radin ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan dari inilah juga putera yang bergelar Tunku Besar ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan boleh jadi raja yang memerintah di Negeri Sembilan bergelar Yang Di-Pertuan Besar, sebelum daripada Yang Di-Pertuan adalah bergelar Sultan.

- a. Apabila mangkat Yang Di-Pertuan Besar Tuanku Radin maka lalu ditabalkan Seri Paduka adindanya Tengku Besar Imam menjadi Yang Di-Pertuan Besar.

Dibawah ini dinyatakan putera-putera yang bergelar Tunku Besar ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar:-

1. Tunku Besar Radin
2. Tunku Besar Imam
3. Tunku Laksmana Antah (kisahnya sebagaimana akan datang)
4. Tunku Besar Mahmud
5. Tunku Muda Serting Abdul Rahman

Tunku Laksmiana Antah

Apabila telah mangkat Yang Di-Pertuan Besar Tuanku Ulin atau Janggut atau Imam nama Baginda itu jua. Sepatutnya mengikut aturan Tunku Besar Lintau iaitu Putera Almarhum Tuanku Imamlah di tabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, akan tetapi Tunku Besar Lintau tidak bersetuju menjadi raja memerintah negeri. Maka dengan izin (dengan kebenaran) bersetuju adinda saudaranya Tunku Laksmiana Antah ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar. Maka sebab itulah Negeri Sembilan selama 3 tahun tiada beraja iaitu dari 1869 hingga 1871 disebabkan oleh Tunku Ahmad Tunggal putera Almarhum Tuanku Imam berkehendakan juga menjadi Yang Di-Pertuan. Maka dengan sebab kekuatan dan pertahanan lingkungan air kaki yang diketuai oleh Orang Empat Istana dan Penghulu Tanah Mengandung dan Dato' Johol maka Tunku Laksmiana Antah ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Seri Menanti sahaja, iaitu pada tahun 1872 masihi dan mangkat pada tahun 1888 masihi.

Setelah mangkat Tuanku Antah maka puteranya yang bergelar Tunku Besar Muhammad di tabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Seri Menanti pula pada tahun 1888 masihi. Kemudian dengan kebulatan Undang Yang Empat dan Penghulu Tanah Mengandung lalu di tabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1898 masihi. Lalu di adakan satu surat perjanjian (treaty) di antara Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan antara Undang Yang Empat setelah Baginda ini memerintah selama 45 tahun. Maka pada 1 haribulan Ogos, 1933 masihi mangkat di Istana Besar Seri Menanti Negeri Sembilan. Maka Seri Paduka anakandanya yang bergelar Tunku Muda Serting Abdul Rahman telah di lantik menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan serta di tabalkan dengan aturan adat istiadat pada 25 haribulan April, 1934 masihi dengan aman dan sentosa.

Peringatan:- Sungguhpun ada tersebut nama-nama yang seperti di bawah ini:-
Iaitu Yamtuan Beringin, Yamtuan Sani, Yamtuan Muda Rembau, Yamtuan Muda Jelebu dan Yamtuan Tutuk. Raja Karjan dan Tunku Alang Suhur, dan adalah mereka-mereka ini semuanya bukanlah raja yang memerintah Negeri Sembilan. Oleh itu tiadalah munasabah, pri kisahnya dalam buku ini. Maka adalah kisah-kisah bagi mereka itu semuanya bolehlah didapati dalam buku Sejarah Melayu Yang Ke Lima dan dalam buku "Papers On Malay Subjects" bagi Seri Menanti.

Maka had inilah asal usul Negeri Sembilan dan salasilah raja-raja yang memerintah negeri itu serba ringkas, yang telah dipetik setengah buku-buku dan jua yang didapati daripada cerita orang tua-tua terutama sekali daripada Yang Amat Mulia Tengku Besar Burhanuddin Ibni Almarhum Tunku Antah. Kemudian daripada ini baharulah dimulakan menyusun peraturan adat istiadat dalam Istana Besar, dengan didahulukan nama-nama gelaran pemerintah yang telah mengadakan tubuh Kerajaan Negeri Sembilan kerana mengambil berkat daripada daulat-daulat dan andika-andika itu adanya.

MAJLIS MESYUARAT ADAT ISTIADAT

1. Maka apabila masanya hendak mengadakan angkatan pekerjaan adat istiadat yang dinamakan “beralat” iaitu seperti nikah kahwin, bersunat rasul dan ulangan istiadat penghulu-penghulu mengadap dan seumpamanya, lebih dahulu hendaklah diadakan majlis mesyuarat ramai dalam Istana Besar diantara Anak-Anak Raja Yang Bergelar dengan Dato’-Dato’ Yang Beradat kerana merundingkan bagaimana cara dan peraturan adat istiadat itu dijalankan. Adalah mesyuarat ini diketuai oleh Yang Amat Mulia Putera Yang Empat sahaja. Maka keputusan mesyuarat inilah akan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar memohonkan titah persetujuannya dan apabila telah dapat titah barulah dijalankan angkatan pekerjaan itu. Mengikut aturan adat istiadat yang telah di tetapkan “Bulat Air Kerana Pembentung Bulat Manusia Kerana Muafakat. (kata perbilangan)”.
2. Bahawa tidak sihat dan tidak manis, jika sekiranya tiap-tiap seorang Dato’ yang ada berhak didalam adat istiadat yang hendak dijalankan itu menerima satu ketetapan sahaja yang di datangkan daripada Pejabat Istana Besar itu sebelum Dato’-Dato’ ini ada bersama-sama duduk berunding berkenaan hal itu. Maka adalah Dato’-Dato’ itu memang berhak didalam tiap-tiap segi aturan adat istiadat yang akan dijalankan didalam Istana Besar, lebih-lebih lagi angkatan pekerjaan Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar itu.
3. Maka sesungguhnya tidak akan berseri tiap-tiap majlis adat istiadat yang dijalankan di Balai Besar Istana jika sekiranya Dato’-Dato’ itu tidak ada bersama-sama duduk dan bersama-sama melakukannya. “Hebat Harimau Kerana Belangnya Hebat Gajah Kerana Gadingnya dan Hebat Raja Kerana Angkatannya.”

4. Ahli Majlis Mesyuarat

4.1. Pengerusi :- Yang Amat Mulia Putera Yang Empat

4.2. Ahli :- Y.M. Anak-Anak Raja Bergelar
Dato'-Dato' Penghulu Tanah Mengandung
Orang Empat Istana
Pegawai-Pegawai Yang Enam
Apit Lempang Orang Empat Istana
Dato' Bentara Dalam Istana
Orang Besar Lingkungan Istana

dan lagi anak Raja, Dato'-Dato' yang difikirkan patut dibawa bersama-sama hadir didalam majlis itu terpulanglah kepada Yang Amat Mulia Tunku Pengerusi.